



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya.

Tel : 603 - 88832545
Faks : 603 - 88895542
E-mail: ismailmerican@moh.gov.my

Ruj Kami : (65) dlm KKM/NIHSEC/08/0804-02 Jld.2
Tarikh : 15 Jun 2010

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Y Bhg Dato' / Profesor / Tuân / Puan,

**KAJIAN FARMAKOGENOMIK DAN/ATAU FARMAKOGENETIK DI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum bahawa di kebanyakan kajian klinikal, komponen kajian farmakogenomik dan/atau farmakogenetik akan dilaksanakan bersama.
3. Sehubungan dengan ini, dan merujuk kepada petikan minit mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Klinikal Kebangsaan KKM, Bil.1/2009, suacita dimaklumkan bahawa:

Kementerian Kesihatan Malaysia tiada halangan jika protokol kajian klinikal yang telah diluluskan memerlukan sampel darah dihantar ke luar negara bagi tujuan penyelidikan farmakogenomik dan/atau farmakogenetik dengan syarat ujian-ujian yang dijalankan adalah relevan kepada kajian klinikal tersebut dari segi penyakit dan ubat yang dikaji.

Namun demikian tujuan ujian-ujian tersebut dijalankan hendaklah dinyatakan dengan jelas dan '*informed consent*' hendaklah diambil dari subjek kajian untuk maksud tersebut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang ikhlas,



TAN SRI DATO' SERI DR HJ MOHD ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi

Setiausaha Jawatankuasa Penyelidikan Klinikal Kebangsaan